

MODUL LITERASI SIVIK

UNIT 1

Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat

☛ Standard Pembelajaran:

5.1.2 Menerangkan contoh norma masyarakat global

5.1.3 Menilai kepentingan amalan norma masyarakat global

☛ Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menjelaskan contoh norma masyarakat global.
- Murid dapat menghuraikan kepentingan amalan norma masyarakat global.

☛ Nilai Teras: Bertanggungjawab

☛ Konteks: Masyarakat

☛ Literasi Sivik:

Pengetahuan: Memberikan contoh norma masyarakat global

Menghuraikan kepentingan amalan norma masyarakat global

Sosioemosi: Menunjukkan perasaan gembira dan bangga apabila mengamalkan norma masyarakat global

Tindakan: Mengamalkan norma masyarakat global dalam kehidupan harian

☛ Aktiviti: *Cafe / Kafe* atau *Kedai Kopi*

1. Seperti di kafe, murid duduk dalam kumpulan kecil di sebuah meja.
2. Murid diberikan petunjuk aspek norma masyarakat global.
3. Murid memilih dan berbincang tentang satu contoh norma masyarakat global berkaitan dengan petunjuk yang diberi.
4. Murid berbincang kepentingan amalan yang dipilih.

☛ Alat Bantuan Mengajar

- Petunjuk aspek norma masyarakat global
- Kertas mahjong

MODUL LITERASI SIVIK

UNIT 3

Kerohanian Membentuk Individu Bermoral

☛ Standard Pembelajaran:

5.3.3 *Menilai kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral.*

5.3.6 *Menghayati dan mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.*

☛ Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menghuraikan kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral.
- Murid dapat mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian.

☛ Nilai Teras: Kasih sayang

☛ Konteks: Diri

☛ Literasi Sivik:

Pengetahuan: Menghuraikan kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral

Sosioemosi: Menunjukkan perasaan gembira apabila menghayati nilai kerohanian

Tindakan: Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian

☛ Aktiviti: *Party / Pesta*

1. Guru menyediakan beberapa topik/isu soalan yang berkaitan.
2. Guru menempal di dinding di sekeliling kelas atau diletakkan di atas meja.
3. Murid bebas berbincang dan menulis punca, kesan dan langkah mengatasi bagi topik/isu tersebut.
4. Semua murid diberi peluang untuk memberikan idea bagi setiap isu/topik yang dinyatakan.

☛ Alat Bantuan Mengajar

- Topik/isu soalan
- Kertas mahjong
- Pen penanda

MODUL LITERASI SIVIK

UNIT 6

Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti

☛ **Standard Pembelajaran:**

6.2.3 *Menilai kepentingan integriti demi pembangunan negara*

6.2.4 *Menganalisis implikasi perbuatan tidak berintegriti kepada pembangunan negara*

☛ **Objektif Pembelajaran**

- Murid dapat memerihalkan kepentingan integriti demi pembangunan negara.
- Murid dapat merumuskan implikasi perbuatan tidak berintegriti kepada pembangunan negara.

☛ **Nilai Teras:** Kegembiraan

☛ **Konteks:** Diri dan masyarakat

☛ **Literasi Sivik:**

Pengetahuan: Menjelaskan kepentingan integriti demi pembangunan negara

Mencerakinkan kesan perbuatan tidak berintegriti kepada pembangunan negara

Sosioemosi: Mengekspresikan perasaan bangga apabila mengamalkan integriti demi pembangunan negara

Tindakan: Mengamalkan tanggungjawab dengan berintegriti dalam kehidupan harian

☛ **Aktiviti: *Rainbow Groups* / Kumpulan Pelangi**

1. Murid berada dalam kumpulan. Setiap kumpulan diberikan tajuk berbeza untuk perbincangan (*home group*).
2. Selepas berbincang, bina kumpulan baharu (*colour group*) yang terdiri daripada setiap ahli daripada kumpulan asal.
3. Murid akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal kepada ahli kumpulan baharu secara bergilir.

☛ **Alat Bantuan Mengajar**

Beberapa topik soalan.

- Sijil cuti sakit yang palsu
- Rasuah
- Ponteng kerja

MODUL LITERASI SIVIK

UNIT 7

Berperikemanusiaan Pemangkin Kesejahteraan Global

☛ Standard Pembelajaran:

6.3.2 *Menjelaskan dengan contoh perlakuan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global*

6.3.5 *Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan sikap berperikemanusiaan demi kesejahteraan global*

☛ Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menghuraikan dua contoh perlakuan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.
- Murid dapat mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan sikap berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.

☛ Nilai Teras: Bertanggungjawab

☛ Konteks: Diri

☛ Literasi Sivik:

Pengetahuan: Menjelaskan dengan contoh perlakuan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global

Sosioemosi: Menunjukkan perasaan gembira apabila mengamalkan sikap berperikemanusiaan demi kesejahteraan global

Tindakan: Mengamalkan sikap berperikemanusiaan dalam kehidupan harian

☛ Aktiviti: *Close Procedures*

1. Guru menayangkan video tentang aktiviti yang dilaksanakan oleh Sahabat Alam Malaysia.
2. Murid diberi helaian tugasan di mana mereka perlu melihat video dengan teliti dan mengisi tempat kosong dengan maklumat yang tepat.

☛ Alat Bantuan Mengajar

- Video tentang Sahabat Alam Malaysia
- Helaian tugasan yang mengandungi bahagian isi tempat kosong dan bahagian bertanya pendapat

MODUL LITERASI SIVIK

UNIT 9

Kerjasama Masyarakat Global

☛ **Standard Pembelajaran:**

7.2.3 *Menghuraikan cabaran bekerjasama dalam masyarakat global*

7.2.5 *Mengekspresikan perasaan apabila bekerjasama dalam masyarakat global*

☛ **Objektif Pembelajaran**

- Murid dapat menjelaskan dua cabaran bekerjasama dalam masyarakat global.
- Murid dapat mengekspresikan perasaan apabila bekerjasama dalam masyarakat global.

☛ **Nilai Teras:** Kasih sayang

☛ **Konteks:** Masyarakat

☛ **Literasi Sivik:**

Pengetahuan: Menghuraikan cabaran bekerjasama dalam masyarakat global

Sosioemosi: Mengekspresikan perasaan gembira apabila bekerjasama dalam masyarakat global

Tindakan: Mengamalkan sikap kerjasama dalam masyarakat global

☛ **Aktiviti: *Think-Pair-Share***

1. Guru menunjukkan beberapa kejayaan warganegara Malaysia yang telah berjaya meningkatkan imej negara pada peringkat global.
2. Secara individu, murid dikehendaki memikirkan cabaran yang dihadapi oleh warganegara Malaysia yang ditunjukkan oleh guru.
3. Kemudian, murid berbincang dengan rakan.
4. Secara berpasangan, murid perlu berkongsi hasil perbincangan dengan pasangan lain.

☛ **Alat Bantuan Mengajar**

- Gambar beberapa warganegara Malaysia yang telah berjaya pada peringkat global

MODUL LITERASI SIVIK

UNIT 11

Malaysia Unggul di Mata Dunia

☛ **Standard Pembelajaran:**

7.4.1 *Memerihalkan contoh kejayaan Malaysia yang dibanggakan di persada dunia*

7.4.6 *Melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian*

☛ **Objektif Pembelajaran**

- Murid dapat memerihalkan dua contoh kejayaan Malaysia yang dibanggakan di persada dunia.
- Murid dapat menjelaskan penglibatan diri dalam aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian.

☛ **Nilai Teras:** Bertanggungjawab

☛ **Konteks:** Negara

☛ **Literasi Sivik:**

Pengetahuan: Mengenal pasti contoh kejayaan Malaysia yang dibanggakan di persada dunia

Sosioemosi: Mengekspresikan perasaan gembira dan bangga apabila mengharumkan nama negara di persada dunia

Tindakan: Melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian

☛ **Aktiviti: *Gallery Walk***

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru meminta murid melukis pelbagai kebanggaan Malaysia (dalam pelbagai bidang) di rumah. Hasil tugasan boleh dalam bentuk poster / gambar / komik.
3. Guru meletakkan hasil murid di sekeliling kelas.
4. Murid berjalan mengelilingi kelas untuk melihat dan membincang dengan rakan sekumpulan berkenaan hasil kerja rakan kumpulan lain.
5. Murid diminta menulis komen terhadap lukisan yang dihasilkan dan lekatkan pada lukisan.
6. Guru memberi penerangan.

☛ **Alat Bantuan Mengajar**

- Hasil lukisan murid
- *Sticky notes*